

Tepak sirih tanda sokongan Malaysia kepada PBB

UM 26 SEP 2003

NEW YORK 25 Sept. — Malaysia hari ini menyampaikan cenderahati berupa tepak sirih kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sebagai lambang sokongan dan pengharapan kepada badan dunia itu dalam mengharungi pelbagai dugaan.

Tepak sirih itu disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kepada Setiausaha Agung PBB, Koffi Annan di ibu pejabat badan dunia itu selepas kedua-duanya mengadakan pertemuan hari ini.

Dr. Mahathir dalam ucapannya pada majlis ringkas itu berkata, banyak negara lain telah menyampaikan cenderahati masing-masing kepada PBB dan Malaysia berbuat demikian hari ini setelah 46 tahun menjadi anggota badan dunia itu.

"Hari ini, saya dengan perasaan gembira dapat menyampaikan cenderahati ini bagi pihak kerajaan dan rakyat Malaysia kepada PBB," katanya.

Perdana Menteri berkata, tepak sirih itu adalah simbol penting kepada diplomasi, dialog, persahabatan dan kerjasama maka ia amat sesuai dengan peranan PBB.

Pemberian tersebut, kata beliau, adalah mencerminkan komitmen kuat Malaysia kepada PBB.

"Saya harap para pengunjung ke PBB akan mengiktiraf komitmen Malaysia kepada keamanan dan keharmonian menerusi simbol ini," jelas beliau.

Terdahulu itu, Dr. Mahathir mengadakan pertemuan dengan Julian Hunte, Presiden sesi ke-58 Perhimpunan Agung PBB (UNGA).

Beliau juga dijadualkan mengadakan perbincangan dengan Presiden Filipina, Gloria M. Arroyo. — *Utusan*